

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN
KAWASAN : SELANGAU
TARIKH : 05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 26

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Maltimur Resources Sdn Bhd telah dilantik sebagai Perunding Pengurusan Projek untuk projek Lebuh Raya Pan Borneo. Sekiranya ya, berapakah yuran perunding yang akan dibayar dan apakah kadar struktur yuran perunding yang diguna pakai bagi menentukan jumlah yuran yang perlu dibayar di atas perkhidmatan yang disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner Agreement* – PDPA).

Walau bagaimanapun, perubahan model pelaksanaan tersebut telah memberi kesan ke atas pelaksanaan projek khususnya pentadbiran projek, perubahan kontrak, kebajikan kakitangan-kakitangan yang terlibat dan keperluan penambahbaikan kapasiti dan kepakaran teknikal sedia ada.

Buat masa ini, Kementerian ini masih belum memuktamadkan pelantikan juruperunding yang akan membantu JKR Sarawak untuk melaksanakan projek ini secara konvensional. Berikutan itu *mitigation plan* dan tindakan susulan berterusan sedang dilaksanakan bagi menambah baik kaedah pelaksanaan yang telah diputuskan sebelum ini untuk memastikan kelancaran dan kelangsungan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Sekian, terima kasih.